

Kajang

Hn (ayr 45) 31/01/2017

## Mahu koperasi teroka sektor ICT

Angkatan Koperasi Ke-bangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) berharap pengurusan koperasi di negara ini meneroka sektor teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) bagi mengambil peluang memasarkan produk mereka secara dalam talian.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kedai bukan satu kementerian dalam dunia perniagaan masa kini kerana ia boleh dilakukan secara maya dengan hanya memiliki produk.

Beliau berkata, perniagaan dalam talian bukan saja lebih menjimatkan, malah mampu menjana pendapatan lumayan.

“Sektor ICT wajar diterokai kerana masih kurang pembabitan koperasi dalam bidang ini sedangkan ia menjadi keperluan dalam dunia perniagaan dan kehidupan sekarang. Pemimpin dan warga koperasi harus bijak menguruskan perubahan persekitaran mereka.

“Saya percaya dengan jumlah ahli koperasi lebih 7.5 juta di Malaysia dan 600

juta di ASEAN, pasaran dalam talian mampu menjana ekonomi untuk ahli dan negara jika bijak memanfaatkannya,” katanya pada majlis perasmian Wisma Levida.my di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, disebabkan kehendak dan keperluan anggota turut berubah, koperasi perlu berusaha memahami dan menguasai bidang perniagaan baru yang berupaya menawarkan peluang ekonomi dan keuntungan.

Katanya, setakat ini, terdapat lebih kurang 13,000 koperasi berdaftar dengan ANGKASA di seluruh negara dengan jumlah perolehan dicatatkan berjumlah RM35.6 bilion pada 2016.



Perpustakaan Koperasi  
Malaysia